

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 31 Julai 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI STATISTIK PERDAGANGAN LUAR NEGERI SABAH 2022

Jumlah Perdagangan Sabah Merekodkan Pertumbuhan Tertinggi, 35.4 Peratus Pada Tahun 2022, Melempi RM100 Bilion.

PUTRAJAYA, 31 JULAI 2023 – Laporan **STATISTIK PERDAGANGAN LUAR NEGERI SABAH BAGI TAHUN RUJUKAN 2022** yang dikeluarkan hari ini memaparkan statistik perdagangan luar negeri Sabah dengan rakan dagangan mengikut klasifikasi komoditi yang terperinci. Laporan ini menunjukkan jumlah perdagangan eksport, import dan imbalan dagangan Sabah mencatatkan paras tertinggi pada tahun 2022.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Jumlah perdagangan Sabah melebihi RM100 bilion pada tahun 2022. Ianya meningkat 35.4 peratus daripada RM87.2 bilion pada tahun 2021 kepada RM118.1 bilion. Eksport Sabah mengekalkan pertumbuhan positif dua digit, meningkat 38.6 peratus kepada RM77.2 bilion berbanding tahun sebelumnya. Seiring dengan pertumbuhan eksport, import juga mencatatkan peningkatan 29.6 peratus daripada RM31.6 bilion kepada RM40.9 bilion pada tahun 2022 dengan lebih dagangan berjumlah RM36.2 bilion, meningkat 50.4 peratus".

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan penyumbang utama eksport adalah petroleum mentah bernilai RM30.3 bilion, minyak kelapa sawit (RM21.1 bilion) dan gas asli cecair (RM5.2 bilion). Eksport tiga produk utama ini bernilai RM56.6 bilion dan menyumbang 73.4 peratus kepada jumlah eksport Sabah. Manakala jumlah import pula disokong oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak RM12.4 bilion, produk makanan (RM6.4 bilion) dan produk keluaran kilang (RM5.3 bilion).

Mengulas lebih lanjut, lima rakan dagangan utama yang menyumbang sebanyak 67.1 peratus kepada jumlah perdagangan luar negeri Sabah terdiri daripada Semenanjung Malaysia (42.4%), China (10.4%), India (5.5%), Kesatuan Eropah (4.7%) dan Republik Korea (4.2%).


DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*

.

Carta : Eksport, Import dan Pertumbuhan Jumlah Perdagangan luar, 2012 – 2022



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 JULAI 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, July 31th 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT FOR SABAH EXTERNAL TRADE STATISTICS 2022

Sabah's Total Trade Recorded Highest Growth, 35.4 per cent In 2022, Surpassed RM100 Billion

PUTRAJAYA, JULY 31, 2023 – Sabah External Trade Statistics Report for the reference year 2022 released today displays Sabah's external trade statistics with trading partners according to a detailed commodity classification. This report shown Sabah's total external trade, exports, imports and balance of trade recorded the highest levels in 2022.

Commenting on the report, the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, " Sabah's total trade surpassed RM100 billion in 2022. Sabah's exports maintained a positive double-digit growth, rose 38.6 per cent to RM77.2 billion, as compared to the previous year. Along with the exports growth, imports also recorded an increase of 29.6 per cent from RM31.6 billion to RM40.9 billion in 2022 with a trade surplus amounting to RM36.2 billion, an increase of 50.4 per cent".

The Department of Statistics Malaysia also reported that the main contributor of exports were crude petroleum, valued at RM30.3 billion, palm oil (RM21.1 billion) and liquefied natural gas (RM5.2 billion). Exports of these three major products amounting to RM56.6 billion and accounted for 73.4 per cent of Sabah's total exports. Meanwhile, total imports were driven by machinery and transport equipment of RM12.4 billion, food products (RM6.4 billion) and manufactured products (RM5.3 billion).


The report also states that the five major trading partners contributed 67.1 per cent to Sabah's total external trade comprising Peninsular Malaysia (42.4%), China (10.4%), India (5.5%), the European Union (4.7%) and the Republic of Korea (4.2%).

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Chart : Exports, Imports and Growth of Total External Trade, 2012 – 2022



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
31 JULY 2023**